



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### KOMUNITI KEPONG JAYAKAN KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN

**KEPONG, 24 Februari 2018** – Seramai 3,000 orang penduduk di sekitar Kepong menghadiri Kenduri 1Wilayah Persekutuan yang diadakan di Padang Metro Prima hari ini. YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan turut hadir bagi bersama-sama komuniti dan beramah mesra antara pemimpin dengan rakyat.

Program ini dilaksanakan di bawah kluster mesra rakyat bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2018 dan program ini mendapat kerjasama dan penglibatan yang tinggi daripada masyarakat setempat. Program ini juga memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan terutamanya dari aspek meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat serta menambahkan semangat kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan warganya selaras dengan tema SHWP 2018 iaitu “Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera”.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mensejahterakan warga Wilayah Persekutuan khususnya di Kepong. Antara inisiatif yang dibuat adalah pembinaan 3 buah projek Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan 1 projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang sedang dibina pada harga di antara RM90,000 sehingga RM300,000. Antara projek yang sedang dibangunkan adalah RUMAWIP Residensi Kepongmas, RUMAWIP Residensi Kepongmas 2, RUMAWIP Residensi Enesta Kepong dan PPA1M Kepong menawarkan lebih 5,000 unit kediaman mampu milik. Satu lagi projek RUMAWIP akan dibina pada tahun ini dengan menawarkan jumlah unit sebanyak 1,520 pada harga di antara RM188,000 sehingga RM198,000 seunit.

Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Kepong dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat yang sejahtera dan ceria.

**Disediakan oleh  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan**